

## SIARAN MEDIA

### **SAINS TULUS DAN INTEGRITI PERJUANGAN YB MADIUS TANGAU**

**Kuala Lumpur, 12 Disember** – Seiring dengan kedinamikan dunia yang pantas berpacuan ilmu sains dalam pelbagai aspek, sebuah buku yang mendedahkan kerancangan teknovasi (teknologi + inovasi) dengan menekankan kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) berjudul ***Komunikasikan Sains, Tulus, Integriti Demi Kesejahteraan Masyarakat*** dilancarkan. Buku koleksi tulisan YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ini merungkai dengan lebih jelas akan kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) atau menurut beliau “Sains, Tulus dan Integriti” bagi membentuk Malaysia sebagai negara yang lebih berdaya saing. Turut dijadikan inti pati penting dalam buku ini ialah elemen integriti yang perlu ada dalam sahsiah diri sebagai asas penggerak pembangunan masa hadapan.

Buku ini juga antara lain memperjelaskan situasi pembaharuan teknologi yang sebenarnya banyak memberikan faedah dan kebaikan kepada masyarakat, negara, dan dunia – baik daripada aspek ekonomi, teknologi, mahupun kesejahteraan kesihatan global. Pada masa sama, buku ini turut menjelaskan peri pentingnya untuk rakyat mengambil tahu dan memahami setiap teknologi yang berlaku, bagaimana ia berlaku (menerusi pemahaman yang mudah), dan bagaimana ia memberi manfaat kepada mereka – kerana hanya dengan itu mereka akan menerima perubahan atau teknovasi yang kini giat dilaksanakan kerajaan, khususnya menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Setiap isi tulisan dalam buku ini diadunkan lengkap mencakupi pelbagai aspek sebagai garis panduan masa hadapan rakyat Malaysia selaras dengan inisiatif Transformasi Nasional 2050 (TN50) oleh kerajaan sebagai persediaan menghadapi tahun-tahun mendatang.

Buku yang diterbitkan dalam dua versi bahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris ini mengandungi 307 halaman serta menghimpunkan 42 buah artikel hasil tulisan YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau selama lebih setahun bermula Februari 2016 hingga Jun 2017. Hasil tulisan yang dimuatkan dalam buku ini pernah disiarkan dalam akhbar *Daily Express Sabah*, laman sosial MOSTI dan laman sosial beliau sendiri. Kesemua artikel dalam buku ini disusun mengikut kategori masing-masing dalam empat bab, iaitu *Ekonomi Kreatif dan Digital* (Bab Pertama), *Sains untuk Dasar dan Diplomasi* (Bab Kedua), *Kesejahteraan dan Pemeraksanaan Masyarakat* (Bab Ketiga) dan *Wawasan dan Bakat untuk Masa Depan* (Bab Keempat).

Buku terbitan sulung hasil usaha sama antara MOSTI dan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) ini dilancarkan penerbitannya oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sempena *Global Entrepreneurship Community Summit 2017* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Kedua-dua versi buku ini dijual pada harga RM40.00 (RM45.00 bagi Sabah & Sarawak) senaskhah dan boleh didapati di Kedai Buku ITBM, Seksyen 10, Wangsa Maju; serta melalui pembelian dalam talian di laman web: [www.itbm.com.my](http://www.itbm.com.my) atau talian Whatsapp: 019-221 9015.

#####